

# MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN KURSUS KEPIMPINAN PEGAWAI WARAN (KKPW) SIRI 52/19

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5473-majlis-perasmian-pembukaan-kursus-kepimpinan-pegawai-waran-kkpw-siri-52-19](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5473-majlis-perasmian-pembukaan-kursus-kepimpinan-pegawai-waran-kkpw-siri-52-19)

SUBANG, 7 Okt 19 - Majlis Perasmian Pembukaan Kursus Kepimpinan Pegawai Waran (KKPW) Siri 52/19 telah disempurnakan oleh Ketua Staf MPPLU, Brig Jen Dato' Hj Sanusi bin HJ Samion TUDM bertempat di Dewan Pahlawan Institut Pengajian Pentadbiran dan Pengurusan (INSTAR).



Kursus ini telah dihadiri seramai 55 anggota terdiri daripada pelbagai Ketukangan dalam TUDM berpangkat Flait Sarjan yang terdiri daripada 49 pelatih lelaki dan 6 pelatih wanita. Kursus ini bermula pada 7 Okt 19 dan dijadualkan tamat pada 5 Nov 19. Turut hadir Pegawai Memerintah INSTAR, Lt Kol Harisson bin Harun TUDM, pegawai-pegawai dan jurulatih INSTAR.

